

Bandar

*Bicara
Menteri*
muka 7



PERCUMA 10 - 16 JULAI 2017 • 16 - 22 SYAWAL 1438

BIL: 14



RM1.6 juta baik pulih kerosakan

● Peruntukan beri faedah
kepada 200 unit rumah

● Tambahan RM500,000
bina gelanggang futsal

muka 2

*KPKT atasi
masalah
di Pangsapuri
Kos Rendah
Pandan Utama*



*TPM arahkan pewartaan
semula UKBS di semua negeri*

muka 3



*iSelamat.my
tingkatkan
keselamatan
masyarakat muka 4*

DIARI PARLIMEN

Jawapan Tan Sri Noh Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 5





SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat

Masalah Pangsapuri Kos Rendah Pandan Utama ditangani

RM1.6j baik pulih kerosakan

MASALAH kerosakan pelbagai kemudahan asas yang dialami penduduk Pangsapuri Kos Rendah Pandan Utama di Ampang, Selangor akan diselesaikan menerusi peruntukan sebanyak RM1.6 juta yang disalurkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, peruntukan tersebut akan digunakan untuk membaik pulih dan menyelenggara lif, bumbung dan pam air di pangsapuri berkenaan.

Menurut beliau, projek membaik pulih tersebut akan dimulakan secepat mungkin tahun ini memandangkan hanya satu daripada dua lif dan tiga daripada enam pam air di pangsapuri tersebut yang berfungsi.

“Kos untuk membaik pulih amat tinggi tetapi kita akan beri keutamaan bagi baik pulih lif, bumbung dan pam air di pangsapuri ini.

“Peruntukan tersebut mampu memberi faedah kepada 200 unit rumah di sini, ini bermakna setiap unit rumah kita belanjakan dalam RM2,500 untuk membaik pulih kemudahan seperti lif,” katanya ketika mengadakan program turun padang di sekitar Parlimen Pandan baru-baru ini.

Sementara itu, Noh turut meluluskan peruntukan RM500,000 bagi membaik pulih bumbung di Pangsapuri Kos Rendah Sri Angsana Hilir, Pandan.

Beliau turut mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM500,000 bagi membina gelanggang futsal di Pangsapuri Kos Rendah Pandan Utama bagi penduduk di pangsapuri kos rendah tersebut.



Pam air yang rosak di Pangsapuri Kos Rendah Pandan Utama akan dibaik pulih melalui peruntukan yang disalurkan KPKT.

Sementara itu, Noh membidas Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli dan Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad berikutan masalah yang dihadapi rakyat di kawasan tersebut.

“Saya bersimpati dengan penduduk-penduduk di sini yang menghadapi pelbagai masalah namun masih belum menerima pembelaan sewajarnya,” katanya.

» Noh turut meluluskan peruntukan RM500,000 bagi membaik pulih bumbung di Pangsapuri Kos Rendah Sri Angsana Hilir, Pandan.



Tan Sri Noh Omar berbincang dengan penduduk mengenai masalah kerosakan pelbagai kemudahan di Pangsapuri Kos Rendah Pandan Utama semasa beliau mengadakan program turun padang di sekitar Parlimen Pandan baru-baru ini.



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-71 baru-baru ini.

TPM arahkan pewartaan semula UKBS di semua negeri

MESYUARAT Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-71 yang berlangsung baru-baru ini menggalakkan kerajaan negeri melakukan proses pewartaan terhadap Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984) (Pindaan 2012) agar pelaksanaan menyeluruh dapat dikuatkuasakan secara seragam oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, ini merupakan sebahagian daripada usaha-usaha kerajaan untuk memantapkan lagi perkhidmatan PBT yang bertanggungjawab sebagai pentadbir bandar dalam aspek penjagaan kebersihan, keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan selain memulihara serta menjamin kelestarian alam sekitar.

"Antara cadangan pindaan UKBS 1984 (Pindaan 2012) adalah mengenai kecekapan tenaga yang memandatorikan Piawai Malaysia MS1525- Kod Amalan bagi Kegunaan Kecekapan Tenaga dan Tenaga Boleh Diperbaharui dalam sektor bangunan bukan kediaman.

» Ini merupakan sebahagian daripada usaha-usaha kerajaan untuk memantapkan lagi perkhidmatan PBT yang bertanggungjawab sebagai pentadbir bandar dalam aspek penjagaan kebersihan, keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan selain memulihara serta menjamin kelestarian alam sekitar."

Ahmad Zahid Hamidi

Timbalan Perdana Menteri

"Malah turut dicadangkan adalah keperluan melaksanakan kehendak-kehendak menentang dan mencegah keabakaran secara aktif dan pasif disesuaikan

dengan praktis senibina serta kejuruteraan masa kini," katanya.

Perkara itu dibincangkan pada MNKT ke-71 yang berlangsung di Bangunan Perdana Putra, di sini baru-baru ini dengan 13 kertas telah dibincangkan termasuk berhubung kesedaran terhadap kebersihan awam dan penguatkuasaan.

Ini termasuk meningkatkan penguatkuasaan seperti pemasangan sistem perangkap minyak terutamanya di premis-premis komersial, masalah tandas awam kotor, penggunaan bahan pencuci bersesuaian dan berkesan, pembasmian infestasi tikus yang menjadi masalah awam serta masalah keselamatan dan kesihatan semasa mengendalikan bahan kimia berbahaya di kawasan PBT.

MNKT juga menyarankan supaya garis panduan tadika dan taska diwujudkan dengan persekitaran yang selamat, bebas halangan untuk kanak-kanak, penjaga, pengguna lain dalam bangunan bertingkat dan memastikan persekitaran pembelajaran yang berkualiti tinggi, selesa serta selamat untuk perkembangan rohani dan jasmani kanak-kanak.

Tambah Ahmad Zahid, mesyuarat juga membincangkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ke arah memulihara alam sekitar seperti mengawal pembangunan chalet atas air agar kawasan tarikan semula jadi sentiasa terpelihara selain mewajibkan pemasangan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) yang boleh mengurangkan permintaan bekalan air awam.

Katanya, penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) turut dibincangkan sebagai salah satu kaedah untuk memantapkan industri pembinaan negara.

"Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 September 2015 telah bersetuju mewajibkan pelaksanaan penggunaan kaedah IBS bagi projek bernilai RM50 juta dan ke atas bagi projek sektor swasta.

"Susulan itu, mekanisme terbaik bagi merealisasikan keputusan Jemaah Menteri tersebut adalah dengan mewajibkan syarat penggunaan kaedah IBS sebagai sebahagian daripada syarat dalam permohonan Kebenaran Merancang atau Perintah Pembangunan dan juga Pelan Bangunan," katanya.

iSelamat.my tingkatkan keselamatan masyarakat

iSelamat.my merupakan laman web yang memaparkan maklumat jenayah di sesebuah kawasan kejiranan dan sekitar komuniti dalam bentuk peta.

Laman web berkenaan dibentuk bagi memudahkan masyarakat mendapatkan maklumat jenayah secara terperinci di sesebuah kawasan, selain menyediakan panduan serta tips pencegahan jenayah yang boleh diamalkan.

Turut disediakan adalah maklumat penting keselamatan seperti nombor telefon anggota serta balai polis berdekatan, persatuan penduduk, Rukun Tetangga dan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) bagi membolehkan tindakan segera diambil.

iSelamat.my telah dibangunkan hasil kerjasama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) di bawah Program Bandar Selamat: Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah.

Untuk maklumat, SPBS telah dibangunkan secara berperingkat mulai tahun 2010 dan kini diguna pakai di semua balai polis dan PBT seluruh Malaysia, dan antara kemampuan SPBS adalah mampu mengenalpasti kawasan panas berdasarkan kepada masa (jam, hari, mingguan, bulanan dan lokasi) dengan ketepatan saintifik.

Sistem itu juga berupaya menjana analisis tren jenayah dalam bentuk spatial yang amat berguna dalam perancangan pembangunan kawasan baharu dengan penggunaan sumber lebih optimum.

Bagi menghasilkan iSelamat.my pandangan, maklum balas serta per-

Panduan Pengguna iSelamat.my

1



Carian lokasi yang dikehendaki

2




Maklumat kejadian jenayah

3



Perincian maklumat jenayah

4



Statistik kejadian jenayah

setujuan daripada JPP; persatuan penduduk; Rukun Tetangga; Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan 14 pihak berkuasa tempatan (PBT) telah diambil bagi memastikan semua yang dirancang berjalan lancar.

iSelamat.my dilancarkan secara rasmi pada 25 Ogos 2015 oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique.



Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique (tengah) merasmikan Majlis Pelancaran iSelamat.my pada 25 Ogos 2015 di Hotel Pullman, Kuala Lumpur.

Apa itu iSelamat.my?

Laman web yang memaparkan:



Info jenayah di atas peta bagi komuniti anda



Maklumat dan panduan pencegahan jenayah



Maklumat perhubungan PDRM, pihak berkuasa tempatan, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, persatuan penduduk dan rukun tetangga

Bagaimana iSelamat.my diakses?



Faedah iSelamat.my



Apakah maklumat dalam iSelamat.my?

1 Paparan Peta Jenayah



2 Maklumat Jenayah





Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

MENTERI JAWAB

Apakah status Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang sudah siap sepenuhnya dan sedia untuk diduduki tetapi masih kosong walaupun banyak permohonan diterima daripada golongan yang layak?

Terdapat 10 projek PPR baharu yang siap dibina dan melibatkan sebanyak 6,305 unit dan dalam proses penawaran serta memuktamadkan senarai nama peserta rumah PPR:

Bil.	PPR	Bilangan Unit	Status PPR Dimiliki
1.	PPR Kepong	1,600	Peringkat memuktamadkan nama dan jangkaan kemasukan Mei 2017
2.	PPR Ladang Siliau	150	Penyerahan kunci telah dibuat pada 13 April 2017
3.	PPR Lambir	505	Penyerahan kunci dijadualkan pada 21 April 2017
Jumlah		2,255	

Bil.	PPR	Bilangan Unit	Status PPR Disewa
1.	PPR Bubul Lama	832	
2.	PPR Meruntum	500	
3.	PPR Ketiau	696	Proses memuktamadkan senarai nama peserta
4.	PPR Batu Sapi	180	
5.	PPR Bukit Padang	742	
6.	PPR Ayer Panas	500	Proses penawaran dan kemasukan penghuni
7.	PPR Paya Rumput	600	
Jumlah		4,050	

Sehubungan itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menjangkakan proses pengisian bagi semua projek siap dapat dilaksanakan selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2017 oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan.

■ Sidang Dewan Negara, 19 April 2017



Penyerahan kunci kepada para peserta PPR Ladang Siliau di Port Dickson, Negeri Sembilan telah disempurnakan pada 13 April 2017.



Selamat.my?

maklumat Perhubungan PDRM



maklumat Komuniti Anda



maklumat dan Panduan Pencegahan Jenayah



MNKT ke-71 tekankan aspek perbandaran, penempatan manusia

MESYUARAT Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-71 baru-baru ini menumpukan isu-isu perbandaran dan penempatan manusia sebagai persediaan dalam menganjurkan persidangan World Urban Forum (WUF) ke-9 yang bakal berlangsung pada 7 hingga 13 Februari 2018.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, beliau yang mempengerusikan mesyuarat tersebut melihat pembentangan kali ini lebih kepada tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menjaga persekitaran bandar.

"Pembentangan kertas-kertas Mesyuarat MNKT kali ke-71 ini lebih memfokuskan kepada usaha-usaha kerajaan untuk memantapkan lagi perkhidmatan pihak PBT yang bertanggungjawab sebagai pentadbir bandar khususnya dalam aspek kepentingan penjagaan kebersihan, keselamatan, kesejahteraan dan kesesuaian serta memulihara dan menjaga kelestarian alam sekitar.

"Seharusnya platform ini digunakan dengan sebaiknya oleh Malaysia untuk berkongsi serta menunjukkan inisiatif-inisiatif perbandaran yang telah dilaksanakan kepada dunia sekali gus menunjukkan komitmen negara dalam menjayakan New Urban Agenda," katanya.

Persidangan dwitahunan ini diadakan oleh Program Penempatan Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-HABITAT) yang dijangka mengumpulkan seramai 25,000 peserta dari dalam dan luar negara termasuk pakar-pakar dari seluruh dunia.

Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan supaya mesyuarat MNKT diadakan sekurang-kurangnya sekali untuk setiap tahun bagi mengkoordinasikan dasar-dasar negara antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri.

Tambah Ahmad Zahid, selain aspek penjagaan kebersihan dan pemuliharaan alam sekitar, MNKT juga telah membincangkan penggunaan Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) sebagai salah satu kaedah untuk memantapkan industri pembinaan negara setelah Jemaah Menteri sebelum ini bersetuju untuk mewajibkan pelaksanaan penggunaan IBS terhadap projek bernilai RM50 juta dan ke atas bagi projek sektor swasta.

"Susulan itu, mekanisme terbaik bagi keputusan Jemaah Menteri tersebut adalah dengan mewajibkan syarat penggunaan kaedah IBS sebagai sebahagian daripada syarat dalam permohonan Kebenaran Merancang (Planning Permission) atau Perintah Pembangunan (Development Order) dan juga Pelan Bangunan (Building Plan).

"Walau bagaimanapun, kejayaan mekanisme ini bergantung kepada pihak kerajaan negeri untuk menerima pakai syarat ini serta memastikan pelaksanaannya di peringkat PBT," katanya.



» *Susulan itu, mekanisme terbaik bagi keputusan Jemaah Menteri tersebut adalah dengan mewajibkan syarat penggunaan kaedah IBS sebagai sebahagian daripada syarat dalam permohonan Kebenaran Merancang (Planning Permission) atau Perintah Pembangunan (Development Order) dan juga Pelan Bangunan (Building Plan).*

AHMAD ZAHID HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri

PEMBENTANGAN MNKT KE-71

1 Kesedaran terhadap kebersihan awam serta penguatkuasaan yang mana semua PBT disarankan supaya meningkatkan penguatkuasaan bagi perkara-perkara seperti:

- Pemasangan sistem perangkap minyak terutamanya di premis-premis komersial.
- Masalah tandas awam yang kotor.
- Penggunaan bahan pencuci yang bersesuaian dan berkesan.
- Pembasmian infestasi tikus yang menjadi masalah kesihatan awam.
- Masalah keselamatan dan kesihatan semasa mengendalikan bahan kimia berbahaya di kawasan PBT.

2 Mewujudkan garis panduan TADIKA dan TASKA:

- Persekitaran yang selamat.
- Bebas halangan untuk kanak-kanak, penjaga, pengguna lain dalam bangunan bertingkat.
- Memastikan persekitaran pembelajaran yang berkualiti tinggi, selesa serta selamat untuk perkembangan rohani dan jasmani kanak-kanak.

3 Melaksanakan inisiatif-inisiatif ke arah memulihara alam sekitar seperti:

- Mengawal pembangunan chalet atas air agar kawasan tarikan semula jadi sentiasa terpelihara.
- Mewajibkan pemasangan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) yang boleh mengurangkan permintaan bekalan air awam.

4 Menggalakkan proses pewartaan terhadap cadangan pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984) (pindaan 2012) oleh kerajaan negeri agar pelaksanaan menyeluruh dapat dikuatkuasakan secara seragam oleh PBT:

- Kecekapan tenaga yang memandatorikan Piawaian Malaysia MS1525 - Code of Practice on the Use of Renewable Energy and Energy Efficiency in Non-Residential Building.
- Keperluan melaksanakan kehendak-kehendak menentang dan mencegah kebakaran secara aktif dan pasif disesuaikan dengan praktis kesenibinaan kejuruteraan masa kini.

BICARA MENTERI



'Tidak tahu belanja' atau tidak tahu masalah rakyat

SEBAGAI Ahli Parlimen Tanjong Karang dari Barisan Nasional (BN), saya sama sekali tidak cemburu atau iri hati apabila Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohammed Azmin Ali dengan penuh bangga menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor memiliki berbilion-bilion ringgit sehinggakan beliau tidak tahu bagaimana mahu membelanjakan.

Soalnya beliau tidak tahu belanja atau beliau tidak tahu masalah rakyat yang boleh diselesaikan melalui wang berbilion-bilion ringgit itu?

Selain itu, kalau begitulah banyaknya wang kerajaan negeri kenapakah masalah-masalah berkaitan rakyat khususnya dari segi kemudahan tidak diselesaikan? Kenapakah segalanya terpaksa diselesaikan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)?

Sebagai contohnya, bagi membaik pulih lif di perumahan strata awam, kenapa kerajaan negeri hanya memperuntukkan 80 peratus daripada keseluruhan kos manakala 20 peratus lagi ditanggung oleh Joint Management Body (JMB)? Kalau sudah banyak wang sangat, tanggunglah keseluruhan kos supaya ia tidak membebankan rakyat.

Dan paling ironinya di kawasan Gombak yang Mohammed Azmin menjadi Ahli Parlimennya, kenapakah

saya sendiri terpaksa keluaran peruntukan sebanyak RM11 juta bagi menyelesaikan masalah kemudahan penduduk di kawasan tersebut?

Apakah Mohammed Azmin, kononnya mahu menunjukkan ketelusan dengan tidak memberi apa-apa keistimewaan kepada Gombak supaya tidak dianggap berat sebelah atau beliau sememangnya tidak tahu masalah rakyat di kawasan itu?

Mungkin benar Mohammed Azmin ada pulang ke kawasan bertemu penduduk tetapi adakah beliau menyelesaikan masalah mereka. Kalau setakat pulang untuk tunjuk muka sahaja tanpa melakukan apa-apa, mana-mana individu pun melakukannya. Tetapi saya dan pemimpin Barisan Nasional (BN) tidak akan berbuat demikian. Saya akan cuba menyelesaikan masalah rakyat dengan sebaik mungkin.

Perlu difahami ada perbezaan antara bertemu rakyat untuk mendengar dan menyelesaikan masalah mereka dengan turun padang sekadar untuk dijadikan catatan dalam diari bahawa seseorang Ahli Parlimen itu balik kawasan.

Oleh itu saya berharap rakyat Selangor tidak akan terpengaruh dengan dakyah apatah lagi sandiwara politik yang dipertontonkan oleh Mohammed Azmin dan rakan-rakannya. Saya bukanlah mahu

memburuk-burukkan mereka disebabkan kami berbeza fahaman politik.

Saya tidak mahu rakyat Selangor bak kata orang hanya 'terliur' atau tertarik dengan jumlah berbilion-bilion ringgit yang dimiliki oleh kerajaan negeri sedangkan rakyat tidak mendapat apa-apa faedah.

Jika pemimpin-pemimpin PKR, boleh mempersoalkan apakah yang rakyat dapat berikutan peningkatan pertumbuhan ekonomi, saya juga boleh membangkitkan apa yang kerajaan negeri buat untuk membantu rakyat dengan wang berbilion-bilion yang dikatakan oleh Mohamed Azmin.

Janganlah hanya bijak mencari kesalahan atau kelemahan pentadbiran kerajaan Pusat yang diterajui BN sedangkan di negeri sendiri, rakyat masih menderita dan tidak mendapat apa-apa faedah di sebalik kenyataan bahawa Selangor ada wang yang banyak.

Saya mencabar Mohammed Azmin gunakanlah segala wang tersebut untuk kebaikan rakyat. Jangan mendabik dada kononnya jumlah wang berbilion itu disebabkan kebijaksanaan kerajaan negeri menguruskan kewangan.

Kita bukanlah bercakap soal bijak atau tidak menguruskan kewangan kerajaan negeri, tetapi sejauh manakah rakyat mendapat

manfaat dengan wang yang ada kepada kerajaan negeri. Oleh itu saya menasihatkan Mohammed Azmin tidak payahlah terlalu ego dalam soal berkenaan.

Selesaikan segala masalah rakyat Selangor di semua kawasan termasuklah di perumahan rakyat dan pangsapuri-pangsapuri. Kalau beliau atau exco-exconya enggan berbuat demikian, maka janganlah mempolitikkan usaha saya melalui KPKT membantu rakyat Selangor.

Pada masa sama, saya ingin menasihatkan rakan-rakan dalam komponen Barisan Nasional (BN) supaya memperkukuhkan perpaduan dan terus berusaha membantu rakyat Selangor. Jika terdapat masalah penduduk yang mereka ketahui, sila maklumkan kepada saya. Insha-Allah, saya dan KPKT akan cuba menyelesaikannya.


Apa yang kita lakukan bukanlah untuk mencari populariti tetapi mahu memastikan rakyat Selangor hidup dalam keadaan sejahtera dan berkualiti, bukannya hanya bermimpi apabila Mohammed Azmin menyatakan ada berbilion-bilion ringgit wang kerajaan negeri.

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh BELL





Majlis Sambutan Aidilfitri

Bekas Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Seri Ahmad Kabit (dua dari kiri) dan bekas Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Datuk Dr. Mohd. Padzil Hashim (kiri) hadir memeriahkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPKT 2017 pada 12 Julai lalu.



Sumbangan duit raya

Tan Sri Noh Omar dan isteri, Prof. Puan Sri Dr. Aishah Salleh menyampaikan duit raya kepada anak-anak dari Taska Permata Puspanita, KPKT pada 12 Julai lalu.



Tetamu kenamaan

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim hadir ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPKT 2017 pada 12 Julai lalu.



Ceria

Wajah-wajah ceria warga KPKT menyeronokkan lagi Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPKT 2017 pada 12 Julai lalu.



Penuhi undangan

Tan Sri Noh Omar memenuhi undangan ke Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri SWM Enviro



Tetamu istimewa

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalannya, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi hadir bagi memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Tan Sri Noh Omar yang diadakan di Pusat Konvensyen Shah Alam pada 10 Julai lalu.



Environment di Pusat Konvensyen Sime Darby (SDCC), Bukit Kiara pada 6 Julai lalu.



JPN johan pertandingan gerai terbaik

Ahmad Mohd. Amin mewakili Jabatan Perumahan Negara (JPN) menerima hadiah daripada Tan Sri Noh Omar setelah JPN dinobatkan sebagai johan Pertandingan Gerai Terbaik sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPKT 2017 pada 12 Julai lalu.



Maklumat punca kebakaran

Tan Sri Noh Omar mendapatkan maklumat dari anggota bomba tentang punca kebakaran Kedai Makan Asam Pedas di Batu Pahat, Johor sempena lawatan kerjanya ke Parlimen Parit Sulong pada 8 Julai lalu.



Rai Ulang Tahun

Tan Sri Noh Omar memotong kek sempena meraikan ulang tahun pertama dilantik sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 5 Julai lalu sambil diperhatikan oleh timbalannya, Datuk Halimah Mohamed Sadique, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Haji Mohammad bin Mentek dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), Dato' Dr. Tam Weng Wah (kiri).



Terpedaya meminjam wang

FATIMAH (bukan nama sebenar) seorang lulusan ijazah pentadbiran luar negara berumur dalam lingkungan 34 tahun dan baru diterima bekerja di sebuah syarikat swasta di Tanjung Malim, Perak dengan pendapatan RM3,000 sebulan.

Emak Fatimah merupakan anak tunggal dan mempunyai sebidang tanah pusaka di Jerantut, Pahang yang telah dipajakkan oleh datuknya pada tahun 1998, bagaimanapun pajakan tersebut sudah lama tidak berbayar sehingga menyebabkannya akan dilelong pada harga RM45,000.

Ibu bapa Fatimah tidak berkemampuan manakala adik-beradiknya tidak berminat untuk membantu menebus tanah tersebut namun Fatimah merasakan kehilangan tanah berkenaan sebagai satu kerugian kerana nilainya akan melonjak tinggi pada masa hadapan.

Dia berjanji akan menebus semula tanah itu dengan cuba memohon pinjaman daripada beberapa buah bank tetapi ditolak akibat syarat yang ketat. Kegagalan itu tidak 'membutakan hati' Fatimah untuk menuruti nasihat rakan-rakannya supaya meminjam wang daripada 'ah long' kerana berisiko jika gagal membayar pinjaman selain tahu bahawa kegiatan tersebut menyalahi undang-undang.

Pada suatu hari, Fatimah terbaca di satu ruangan iklan terdapat beberapa buah syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) berlesen menawarkan pinjaman dan dia menghubungi salah satu nombor di dalam iklan tersebut namun tidak berjawab.

KISAH BENAR

SIRI SATU

Bagaimanapun, setengah jam kemudian Fatimah menerima panggilan daripada seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai Miss Ong dan bertanya sama ada dia membuat panggilan sebelum ini dan bertanyakan tujuan sebelum Fatimah memperjelaskan hasratnya untuk meminjam wang RM30,000.

Setelah mendapatkan butir diri termasuk jenis pekerjaan serta borang gaji, Miss Ong memberitahu bahawa Fatimah layak untuk mendapatkan pinjaman dan dia akan dihubungi oleh seorang lagi pega-

wai pemasaran PPW berkenaan untuk urusan transaksi selanjutnya.

Kira-kira pukul 2 petang pada hari sama seorang lelaki berbangsa Cina dikenali sebagai Alan menghubungi Fatimah dan hasil semakan yang dilakukan mendapati Fatimah layak mendapat pinjaman penuh sebanyak RM50,000 dengan tempoh bayaran balik yang panjang dan tidak membebankan.

Fatimah tertarik dengan tawaran pinjaman tersebut kerana hanya perlu membayar lebih kurang RM1,000 sebulan untuk tempoh masa tujuh tahun, t a m b a - h a n p u l a p i n j a -

man yang ditawarkan melebihi daripada apa yang diperlukan.

Fatimah menghubungi Alan bagi menyatakan persetujuannya namun sebelum itu Alan memaklumkan bahawa proses pinjaman memakan masa antara tiga hingga tujuh hari dan perlu membayar RM1,800 untuk duti setem dan lain-lain proses pinjaman.

Mengulas lanjut, Alan berkata, dia boleh mempercepatkan proses pinjaman jika Fatimah membayar RM3,000 bagi menyogok staf yang menguruskan dokumentasi pinjaman supaya menyiapkan dalam masa setengah hari dan Fatimah bersetuju untuk berbuat demikian.

Pada keesokan harinya kira-kira pukul 1.30 petang, Fatimah telah menyemak akaun bank dan mendapati tiada wang dimasukkan lalu menghubungi semula Alan sebelum dimaklumkan bahawa pengurusnya masih belum menandatangani cek dan berjanji akan memuktamadkan urusan sebelum pukul 4 petang.

Selepas waktu pejabat, Fatimah sekali lagi membuat semakan akaun dan mendapati tiada sebarang wang dimasukkan, beliau cuma menghubungi Alan tetapi tidak berjawab.

...bersambung



Penduduk PPR Lembah Subang 1 hargai keprihatinan KPKT

SEBANYAK RM30 juta diperuntukkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menyelenggara infrastruktur dan baik pulih Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1, di sini.

Wakil penduduk, **Abu Taib Wirid**, 60, berkata, perbelanjaan itu hasil usaha Menteri, Tan Sri Noh Omar dalam membantu penduduk yang kini dibelenggu pelbagai masalah dan tekanan akibat kelemahan kerajaan Selangor dalam mengurus perumahan itu.

"Noh telah menjalankan tugasnya dengan efisien dan bersemangat demi kesejahteraan penduduk di sini walaupun ditadbir kerajaan Selangor.

"Beliau telah bekerja keras membantu penduduk di sini malah sudah enam kali turun padang ke kawasan berkenaan bagi meninjau segala permasalahan," katanya dalam sidang akhbar di sini.

Kira-kira 30 penduduk PPR Lembah

» Beliau telah bekerja keras membantu penduduk di sini malah sudah enam kali turun padang ke kawasan berkenaan bagi meninjau segala permasalahan."

Abu Taib Wirid

Wakil penduduk

Subang 1 berhimpun di pekarangan perumahan itu bagi memberi sokongan penuh kepada KPKT dan Noh supaya mengambil alih semula pengu-rusannya daripada kerajaan negeri bagi membawa perubahan kehidupan yang lebih baik.

Tambah Abu Taib, Noh turut meluluskan beberapa bantuan seperti penyelenggaraan sistem longkang dan saliran, loji kumbahan, pembinaan tadika serta peruntukan untuk 23 lif baharu.

"Malangnya pada hari ini, terdapat halangan daripada pihak berkuasa tempatan yang menyebabkan bantuan dan peruntukan tersebut tidak dapat masuk sepenuhnya ke PPR Lembah Subang," katanya.

Tidak cukup dengan itu, Abu Taib turut menempelak Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad kerana lebih gemar menyalahkan orang lain selain gagal menyelami masalah penduduk di kawasan berkenaan.

"Melalui kenyataan beliau, Iskandar mendakwa Noh cuba bermain politik, tetapi siapa sebe-

narnya yang bermain politik.

"Sebagai penduduk, saya mahu katakan bahawa beliau hanya tahu bercakap di dalam pejabat sahaja, sebaliknya tidak melihat sendiri keadaan rakyat khususnya di PPR Lembah Subang ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Kaum Masyarakat India PPR Lembah Subang 1, **S. Padmanagan**, 47, berkata, Iskandar perlu meletak jawatan sekiranya tidak tahu menangani masalah dan menjaga kebajikan penduduk.

"Berhentilah pertikaikan apa yang KPKT buat sebaliknya rasailah penderitaan kami di sini.

"Penduduk bukan terpaksa berdepan dengan masalah sampah, tetapi juga lif rosak, tangki kumbahan dan paip bocor sehingga menjejaskan kesihatan dan keselamatan kami," katanya yang mendiami perumahan itu lebih 17 tahun.

SEBAHAGIAN penduduk PPR Lembah Subang 1, Petaling Jaya, Selangor memegang poster sebagai tanda sokongan kepada usaha KPKT dalam usaha membantu menyelesaikan masalah di perumahan itu.



Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT: www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar: www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar: aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): 03-83124040

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh: <http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah): <http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam: 1-800-88-7472

JPPMPK atasi masalah sampah

MERUJUK kepada aduan yang disiarkan dalam akhbar *The Star* bertajuk *Rubbish still a problem in Klang* pada 16 Jun 2017.

Jabatan Perkhidmatan Persekitaran Majlis Perbandaran Klang telah membuat siasatan terhadap kutipan sampah domestik di kawasan perniagaan sekitar Jalan Gopeng dan Jalan Pos Baru, Selangor.

Siasatan mendapati sampah berkenaan adalah sampah baharu yang diletakkan selepas jadual kutipan harian.

Walau bagaimanapun, pihak jabatan bertindak segera dan hasilnya semua sisa sampah tersebut telah berjaya dibersihkan.



Keratan akhbar *The Star* pada 16 Jun 2017.

Keadaan di sekitar Jalan Gopeng dan Jalan Pos Baru selepas dibersihkan

**ALBUM
BULETIN
BANDAR**



Batu Pahat, Johor



Pasar Tani Kuantan, Pahang



Kota Bharu, Kelantan



Lembaga Zakat Negeri Kedah, Alor Setar



KARNIVAL PERUMAHAN MAMPU MILIK KPMMAPEX

11-13 OGOS 2017 | PUSAT KONVENSYEN SHAH ALAM

REBAT TUNAI
RM 30 RIBU


- KEDIAMAN DI BAWAH **RM 500,000**
- DAPAT MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA BAKAL PEMBELI
- LEBIH **60 PEMAJU** SERTA AGENSI KERAJAAN DAN INSTITUSI KEWANGAN
- MENAWARKAN PELBAGAI PILIHAN HARTANAH



"Rumah Mampu Milik Sempurna, Rakyat Sejahtera"

Layari
www.mapex.com.my/kpmm-mapex2017
Hubungi
03-7880 8000

www.kpkt.gov.my @kpkt_gov
kpkt KPkt Malaysia KPkt Malaysia



Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA)

Ditubuhkan
pada **2015**

MISI ► Menggalakkan kesedaran keselamatan di air secara holistik dan komprehensif

KEPENTINGAN ▼

Menangani isu mortaliti dan morbiditi yang berpunca daripada aktiviti air



MKAA telah memberi tanggungjawab kepada **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** sebagai agensi yang akan merealisasikan aktiviti-aktiviti yang telah diputuskan oleh **MKAA**

PADA **26 MEI 2016**

Satu pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti Air yang melibatkan pelajar sekolah serta pendedahan kepada aspek keselamatan aktiviti air dan kaedah penyelamatan di dalam air telah diadakan



Selangor bermain sebagai satu unit – P. Maniam

Kemenangan pasukan Selangor dalam perlawanan Liga Malaysia dan Piala Malaysia sebelum ini membuktikan pasukan tersebut tidak boleh dipandang enteng oleh mana-mana pasukan.

Menurut Jurulatihnya, P. Maniam, formasi 3-4-3 yang beliau serapkan dalam kalangan pemain sejak bulan lepas ternyata membuahkan hasil yang diinginkan.

"Namun yang paling membanggakan kemenangan terhadap T-Team dan Sarawak adalah atas faktor kebangkitan beberapa pemain dalam misi memburu gol.

"Seperti yang saya tekankan dalam latihan, kejayaan akan datang jika kita bermain sebagai satu unit.

Formasi 3-4-3 hanya asas kukuh untuk memastikan semua pemain memahami peranan masing-masing dalam pasukan," katanya kepada dihubungi wartawan Buletin KPKT di sini baru-baru ini.

Maniam berkata, kemenangan terhadap Sarawak baru-baru ini dalam perlawanan Kumpulan D Piala Malaysia menjadi titik tolak penyerang proli-fik, Francis Forkey Doe dalam mempertahankan imejnya sebagai mesin penggempur yang berbisa.

Katanya, jaringan Forkey Doe yang semakin mantap fizikal dan mental dalam perlawanan tersebut, memberi



P. MANIAM

tiga mata berharga kepada Skuad Gergasi Merah untuk dibawa pulang ke Selangor.

"Kerjasama sepasukan antara pemain import, pemain muda dan senior saya lihat semakin baik. Pemain perlu lebih fokus dalam menguasai bola bagi memastikan cabaran dalam Piala Malaysia kekal mantap.

"Untuk perlawanan akan datang Kapten pasukan Selangor, Razman Roslan akan kembali bermain dan pemain lain yang cedera kita akan ganti dengan pemain yang sesuai. Apa yang penting Selangor mempunyai barisan yang mampu mencipta kejutan pada saingan kali ini," katanya.



KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017

PASUKAN	P	M	S	K	J	K	MATA
JDT	15	11	3	1	33	11	36
Kedah	15	7	6	2	33	23	27
Pahang	15	7	3	5	32	21	24
SELANGOR	15	6	5	4	22	18	23
Felda	15	6	5	4	21	17	23
Perak	15	5	6	4	21	25	21
T-Team	15	6	4	5	24	26	19
Kelantan	15	6	2	7	27	26	17
PKNS	15	3	6	6	25	27	15
Sarawak	15	3	5	7	15	21	14
Melaka	15	2	6	7	16	33	12
P. Pinang	15	1	3	11	10	31	6

Setakat 16 Julai 2017

Peluang cerah beraksi perlawanan akhir

SKUAD bola sepak bawah 22 tahun Malaysia mempunyai peluang yang cerah untuk beraksi pada perlawanan akhir dalam Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) yang berlangsung mulai 19 hingga 30 Ogos ini.

Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Datuk Hamidin Mohd. Amin berkata, keyakinan itu adalah bersandarkan kepada undian yang meletakkan skuad kendalian Datuk Ong Kim Swee dalam Kumpulan A bersama Myanmar, Singapura, Laos dan Brunei.

Walaupun bagaimanapun, menurut beliau, ia bukan bermakna beliau memandang rendah terhadap kemampuan lawan.

"Kalau kita lihat pada undian kali ini, kita berada dalam kumpulan yang mempunyai lima pasukan manakala satu lagi kumpulan ada enam pasukan. Myanmar dan Singapura mempunyai pasukan bawah 22 tahun yang kuat.

"Perasaan saya kuat mengatakan



Datuk Ong Kim Swee memberi arahan kepada anak-anak buahnya dalam sesi latihan menjelang Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 di Padang Wisma FAM, Kelana Jaya, Selangor pada Mei lalu.

bahawa kita perlu ke peringkat akhir demi peminat bola sepak tanah air," katanya selepas menghadiri majlis undian bagi semua acara berpasukan dalam temasya dwitahunan itu di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Hamidin menambah, walaupun

skuad bawah 22 tahun negara tidak diberikan sebarang petunjuk prestasi utama (KPI), FAM sebaliknya berharap anak-anak buah Kim Swee dapat memamerkan aksi terbaik mereka dalam kejohanan tersebut.

"Kami sudah berbincang dengan



Presiden FAM (Tunku Ismail Sultan Ibrahim), skuad kendalian Kim Swee diminta untuk memberikan aksi terbaik semaksimum mungkin," katanya.

Mengulas mengenai lokasi perlawanan, beliau berkata, Kumpulan A beraksi di Stadium Shah Alam manakala Kumpulan B bermain di Stadium Majlis Perbandaran Selayang selepas Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras didapati tidak menepati piawaian yang ditetapkan.

Dalam perkembangan sama, beliau memberitahu, perlawanan akhir peringkat kumpulan tidak dapat diadakan secara serentak memandangkan Kumpulan B mempunyai enam pasukan.

Juara bertahan, Thailand diletakkan dalam Kumpulan B bersama Vietnam, Indonesia, Kemboja, Timor Leste dan Filipina.



Tan Sri Noh Omar dan Datuk Noraini Ahmad melawat kawasan yang dicadangkan untuk pembangunan landskap di tebing Sungai Batu Pahat.

Naik taraf kemudahan awam sekitar Parit Sulong

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan sebanyak RM10.55 juta bagi kerja-kerja mengindahkan serta menaik taraf kemudahan awam di sekitar kawasan Parlimen Parit Sulong, Johor.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, sebahagian besar daripada peruntukan tersebut iaitu sebanyak RM7 juta akan dikhususkan untuk menaik taraf Kompleks Niaga Benteng di Peserai manakala RM3 juta adalah bagi projek pengindahan landskap di tebing Sungai Batu Pahat yang terletak bersebelahan kompleks berkenaan.

Menurut beliau, sebanyak RM200,000 lagi diluluskan untuk kerja-kerja mema-

sang lampu dan kemudahan lain di Taman Industri Sri Sulong manakala baki RM350,000 akan disalurkan bagi menaik taraf medan niaga serta pasar di kawasan Semerah.

"Kawasan di sini mempunyai persekitaran yang menarik untuk dibangunkan terutamanya dari segi pembangunan landskap di tebing Sungai Batu Pahat. Projek ini akan dimulakan tahun ini juga dengan melibatkan kawasan seluas kira-kira 2.5 ekar.

"Jabatan Landskap Negara mencadangkan konsep pembangunan ini berdasarkan konsep Bandar EkoPelancungan

Pengindahan landskap tebing Sungai Batu Pahat

- Nurturing Nature berikutan keunikan sungai dan aset semula jadi-nya, oleh itu pembangunan ini akan dirangka dan dirancang dengan reka bentuk yang mempunyai identiti tersendiri melalui keadaan fizikalnya," katanya ketika melawat kawasan Parlimen Parit Sulong baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Noraini Ahmad. Noh menambah, wujud keperluan untuk menaik taraf Kompleks Niaga Benteng yang turut menempatkan kedai makan popular di kawasan berkenaan.

"Perlu ada daya tarikan baharu diwujudkan supaya kawasan ini dibangunkan

dengan sebaiknya-baiknya," jelasnya.

Beliau memberitahu, projek menaik taraf Kompleks Niaga Benteng akan dilaksanakan secara berperingkat dan sistematik.

"Komponen projek melibatkan pembinaan sebuah kompleks niaga baharu setinggi dua tingkat, pejabat pentadbiran, medan selera, dataran dan tapak pasar tani serta kerja-kerja penyediaan infrastruktur seperti jalan masuk, kawasan meletak kenderaan dan lain-lain," katanya.

Noh berkata, peniaga-peniaga sedia ada di kawasan berkenaan juga akan dipindahkan ke lokasi bersebelahan bagi membolehkan mereka terus beroperasi serta memastikan kerja-kerja pembangunan berjalan lancar.




Tan Sri Noh Omar dan Datuk Noraini Ahmad mendengar penerangan tentang cadangan projek menaik taraf Kompleks Niaga Benteng di Peserai baru-baru ini.



Lokasi yang dicadangkan untuk pembangunan landskap di tebing Sungai Batu Pahat.



**Penduduk
PPR Lembah
Subang 1 hargai
keprihatinan
KPKT**
muka 11



**JPP Majlis
Perbandaran
Klang atasi
masalah sampah**
muka 12



**Selangor
bermain
sebagai satu
unit - P.
Maniam**
muka 14



**Terpedaya
meminjam wang** *muka 10*

Buletin

Bandar



10 - 16 JULAI 2017 • 16 - 22 SYAWAL 1438



Parit Sulong dinaik taraf

**Peruntukan
RM10.55
juta untuk
kemudahan
awam**

"Kawasan di sini mempunyai persekitaran yang menarik untuk dibangunkan terutamanya dari segi pembangunan landskap di tebing Sungai Batu Pahat. Projek ini akan dimulakan tahun ini juga dengan melibatkan kawasan seluas kira-kira 2.5 ekar."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 15